

MANB 1982  
P 89

DARURAT  
DI TRENGGANU  
1948-1960

1948-1960  
38. 20

HADIAH IKHLAS  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA



82-686

# DARURAT DI TRENGGANU 1948-1960

(BEBERAPA ASPEK SOSIAL DAN EKONOMI)

OSMAN MAMAT

Sm. Sa. (kepujian)  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
Bangi, Selangor

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
KUALA LUMPUR  
1981



KK. 491 - 2441 0101

7227158

Cetakan Pertama 1981

© Hakcipta Osman Mamat 1981

M  
959 5122  
OSM

Dicetak oleh  
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur.  
\$5.00

**326735**

APB

1 JUL 1985

## BAB 1

# PENGGANAS KOMUNIS DAN PERISYTIHARAN DARURAT DI TRENGGANU

### Pengisytiharan Darurat

( Pada 18 Jun 1948, Sir Edward Gent, selaku Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu dengan rasminya telah mengisytiharkan darurat di seluruh Tanah Melayu.<sup>1</sup> Pengisytiharan ini adalah sebagai tindak balas pemerintah terhadap kempen subversif dan keganasan yang dicetuskan oleh pihak komunis, khususnya Parti Komunis Malaya (PKM).

(Di antara tahun 1945 hingga bulan Julai 1948, Parti Komunis Malaya ialah pertubuhan politik yang dihalalkan menurut undang-undang.<sup>2</sup> Namun begitu sebahagian besar kegiatan PKM dalam pergerakannya adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Ini adalah kerana terdapatnya usaha-usaha dari pihak PKM untuk mempengaruhi dan seterusnya menguasai golongan buruh dengan tujuan untuk cuba memulakan agitasi dan mogok di kalangan kaum buruh. Penguasaan PKM ke atas Pan-Malayan Federation of Trade Unions atau PMFTU dalam tahun

<sup>1</sup>R. Stubbs, "Counter-Insurgency and the Economic Factor, The Impact of Korean War Prices Boom on the Malayan Emergency, dalam *Occasional Paper No. 19, Institute of South East Asian Studies*, h. 2. Dalam hal ini H. Miller, *The Jungle War in Malaya*, Arthur Barker Ltd., London, 1972, h. 32, menyatakan iaitu pada 16 Jun 1948, Darurat telah diisytiharkan oleh Sir Edward Gent, meliputi kawasan Sg. Siput di Perak dan beberapa kawasan di Johor. Hanya 24 jam kemudian barulah pengisytiharan darurat meliputi seluruh Tanah Melayu dilakukan. A Short, *The Communist Insurrection in Malaya*, Frederick Muller Ltd. London, 1975, h. 94, — menyatakan iaitu pada tanggal 18 Jun darurat telah diisytiharkan meliputi seluruh Tanah Melayu.

<sup>2</sup>R. Komer, *The Malayan Emergency in Retrospect: Organization of a Successful Counterinsurgency Effort*, Rand, Santa Monica, 1972, h. 5.